

02/03/1998

## Konsert Mega Papita mantap

Hardi Effendi Yaacob

BIARPUN cuaca panas bersuhu 36 darjah selsius menyelubungi Dataran Merdeka, ia tidak menghalang warga Kuala Lumpur menyaksikan Konsert Mega Persatuan Penyanyi, Pemuzik & Pencipta Lagu Tanah Air (Papita) '98, semalam.

Konsert khas sempena Le Tour De Langkawi itu membuktikan artis tempatan juga menunjukkan komitmen tinggi demi nama negara, sekali gus menjadikan bidang sukan dan seni cukup intim.

Ia adalah acara kemuncak menyambut peserta sirkit terakhir kejohanan lumba basikal terulung itu yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Februari lalu di Langkawi, Kedah.

Sejak awal pagi, orang ramai mula membanjiri padang Kelab Di Raja Selangor dan Jalan Raja sekalipun segmen pertama konsert itu hanya dimulakan jam 9.30 pagi oleh kumpulan Kawan, diikuti penyanyi baru, Rem yang mendendangkan dua lagunya, Selingkar Kasih dan Semua Orang Tahu.

Suasana riuh seketika apabila kumpulan A To Z muncul dengan lagu Itik Gembo-Gembo, Kau Pikat dan Darjat sambil diiringi kumpulan penari mereka. Ramai pengunjung terutama kanak-kanak turut menyanyi dan menari.

Bagaimanapun, keadaan kembali reda dengan kemunculan penyanyi Sarawak, Camelia yang menyanyikan dua lagunya, Rindu Padanya dan Bersama. Konsert berterusan hingga jam 12 tengah hari.

Selain persembahan kebudayaan, turut diselitkan sketsa lawak jenaka oleh pengacara, Sabri Yunus dan Mazlan Pet-Pet, selain lagu tema Le Tour De Langkawi.

Segmen kedua yang bermula jam 2 petang menampilkan persembahan mantap dan bertenaga penyanyi genit, Farra menerusi lagu Bagaikan Puteri dan Sayang. Dia turut menampilkan tarian hebat bersama kumpulan penarinya.

Persembahan seterusnya menyaksikan Raja Gelek, Datuk M Daud Kilau yang menyanyikan beberapa lagu petikan album terbarunya termasuk Mainan Kayangan, Cik Mek Molek dan Angka Satu.

Tepat jam 3 petang, paluan rebana ubi dan kompang bergema di segenap pelusuk Dataran Merdeka bagi menyambut kedatangan Dr Mahathir.

Tidak lama selepas itu, pengunjung bagaikan diserang 'histeria' apabila KRU muncul dengan lagu Freaky G dan Fanatik secara minus one. Persembahan rancak bersama kehadiran DanceKRU ternyata menampilkan tarian hebat.

Anggota KRU - Norman, Yusry dan Edry bijak mengawal emosi pengunjung yang kepanasan menerusi pelbagai taktik komunikasi. Konsert Mega Papita '98 persis Konsert KRU Mega Tour.

Carol Ormila yang menyanyikan dua lagu Inggeris, You Simply The Best dan My Heart Will Go On sebagai pembuka tirai segmen ketiga yang bermula tepat jam 4 petang, diikuti kumpulan Rabbani menerusi lagu nasyid, Anak Soleh, Kebesaran Allah dan Sollallah Al-Yassin.

Ketika itu, suasana sepi dan pengunjung bagaikan menghayati setiap bait lirik lagu Rabbani. Cuaca yang panas tiba-tiba bertukar menjadi mendung.

Antara artis lain yang turut menjayakan konsert itu termasuk Elite, Noryn, Jamal Abdillah, Sara Loo, Aris Ariwatan dan Indigo.

(END)